

# Jom sertai *Fun Run* di UMP

UTUSAN MALAYSIA (Timur) 3 Nov 2016 m/s 31

**KUANTAN 2 Nov.** - Orang ramai dipelawa menyertai acara *Fun Run* yang menawarkan hadiah menarik anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Kumpulan Utusan di Pusat Aktiviti Pelajar UMP Kampus Pekan dekat sini pada 13 November ini.

Acara larian sejauh lima kilometer tersebut merupakan sebahagian daripada acara sempena Expoconvo UMP 2016 yang berlangsung tiga hari di UMP kampus Gambang di sini bermula 19 November ini.

Penolong Pengurus Pengurusan Jenama Utusan Melayu (M) Berhad, Hazura Ahmad Halil berkata, setiap peserta berpeluang memenangi hadiah wang tunai dan piala bagi setiap kategori dipertandingkan dalam acara itu yang menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM5,000.

“Sebanyak tujuh kategori dipertandingkan. Bagi 500 penyertaan awal akan menerima sehelai baju T, medal dan sijil penyertaan.

“Tujuan acara tersebut diadakan antara lain bagi mempromosi dan memasyarakatkan Kampus UMP Pekan kepada penduduk sekitar di samping membudayakan amalan gaya hidup sihat,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Hazura, orang ramai yang berminat boleh menghubungi wakil-wakil dilantik dengan membayar yuran pe-



Sebanyak tujuh kategori dipertandingkan. Bagi 500 penyertaan awal akan menerima sehelai baju T, medal dan sijil penyertaan.”

**HAZURA AHMAD HALIL**  
Penolong Pengurus Pengurusan Jenama Utusan Melayu (M) Berhad

nyertaan RM40 seorang.

Katanya, mereka boleh menghubungi talian 019-6140275 (Joy), 012-2846811 (Lee) dan 013-3664765 (Mei) sebelum 12 November ini.

“UMP turut membuka kaunter untuk pendaftaran dan pengambilan kit larian pada 10 hingga 12 November ini di khemah-urus setia di Pusat Aktiviti Pelajar UMP Kampus Pekan bermula pada pukul 10 pagi hingga 7 petang,” katanya.